

Headline	Lindungi paku emas tumbuhan prasejarah		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	11 May 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A5	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	736 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,773
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 14,319



Lindungi paku emas tumbuhan prasejarah

PENEMUAN spesies tumbuhan terancam ‘cycas cantafolia’ atau dikenali sebagai paku emas di Bukit Tukau dan Bukit Reban Kambing, di Muar bakal menambah keunikan daerah itu.

Ini berikutan ia kini adalah habitat tunggal tumbuhan yang wujud sejak zaman prasejarah itu.

Ketua Ekspedisi Warisan Semulajadi Johor 2016 Prof Dr Maketab Mohamed berkata spesies itu hanya dijumpai di Malaysia dan ia telah berada dalam Senarai Merah Spesies Terancam (IUCN) sebagai spesies yang perlu dilindungi sebelum pupus.

Pakar air dan pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) itu berkata usaha pemuliharaan bukan sahaja di dua bukit itu tetapi turut dijangka melibatkan kira-kira satu kilometer kawasan sekitarnya.

“Kita telah mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri dan mereka secara dasarnya bersetuju menerima cadangan mewartakan kawasan tersebut sebagai Taman Negara Johor.

“Namun, usaha pemuliharaan kawasan sekitar dalam lingkungan lebih kurang satu kilometer persegi turut perlu dilakukan bagi melindungi spesies tersebut,” katanya kepada Bernama ketika ditemui

di Bukit Reban Kambing ketika ekspedisi tersebut baru-baru ini.

Baru-baru ini, kerajaan negeri dilaporkan bercadang mewartakan tiga lokasi tadahan air di Tangkak sebagai Taman Negara Johor iaitu Bukit Takau, Bukit Belading dan Bukit Reban Kambing, melibatkan kawasan seluas 320.21 hektar dan terletak kira-kira dua kilometer dari Taman Negara Johor Gunung Ledang.

Menurut Dr Maketab, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mengesahkan pokok itu hanya terdapat di daerah Tangkak dan satu ujian secara genetik telah dilakukan bagi mem-

buktikan pokok tersebut sebagai spesies ‘Hyper-endemik’ iaitu tumbuhan yang hanya ada pada satu wilayah atau daerah sahaja.

Pokok itu juga dikenali sebagai ‘paku berlagu’ dalam kalangan masyarakat Orang Asli kerana ia akan menge luarkan bunyi apabila ditiup angin, sehingga diberi nama saintifik cycas cantafolia atau dalam bahasa Latin bermaksud ‘pokok palma yang menyanyi’.

Dr Maketab yang juga wakil Persatuan Pencinta Alam Johor berkata di samping mempunyai nilai saintifik yang tinggi, cycas cantafolia juga sukar ditemui dan memiliki bentuk yang unik, justeru

Headline	Lindungi paku emas tumbuhan prasejarah		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	11 May 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A5	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	736 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,773
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 14,319

mempunyai nilai pasaran sung selama enam hari itu, yang tinggi.

"Jika kita perhatikan, pokok jenis cycas yang bukan dari jenis cycas cantafolia ini banyak dijadikan sebagai simbol kemewahan dan diletakkan di hotel besar.

"Saya bimbang jika tiada pengawasan, pokok ini akan dicuri kerana nilai pasarannya boleh mencecah ribuan ringgit," katanya.

Berdasarkan inventori yang dilakukan FRIM, terdapat kira-kira 1,100 pokok cycas cantafolia hidup di celah-celah rekanan batu puncak Bukit Tukau dan Bukit Rebang Kambing.

Selain itu, Dr Maketab berkata pihaknya juga mencadangkan pokok cycas itu dijadikan ikon daerah agar masyarakat lebih mengenali spesies berkenaan, sekaligus mendidik tarikan pelancong untuk ke daerah ini.

Ekspedisi yang berlangsung

meliputi 11 skop kajian termasuk tumbuhan herba, pokok, orkid, hidupan air, pepatung, serangga, mamalia kecil dan batuan.

Seramai 36 penyelidik terlibat dalam ekspedisi itu yang turut disertai UTM, Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ), FRIM, Persatuan Pencinta Alam Johor, Universiti Kebangsaan Ma-

laysia (UKM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

"Kita kini dalam proses pengumpulan data daripada ekspedisi ini dan kita jangkakan satu seminar akan diadakan di Tangkak tahun ini bagi menyokong usaha pemuliharaan kawasan tersebut," kata Dr Maketab.

— Bernama

Headline	Lindungi paku emas tumbuhan prasejarah		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	11 May 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A5	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	736 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,773
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 14,319



Headline	Lindungi paku emas tumbuhan prasejarah		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	11 May 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A5	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	736 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,773
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 14,319

